



**TEKS AMANAT
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM JELAJAH TAAT SETIA MADANI
PERINGKAT NEGERI SELANGOR
TAHUN 2026**

**3 APRIL 2026 (JUMAAT), 9.00 PAGI
DEWAN RAJA MUDA MUSA, SHAH ALAM**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.
Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

[SALUTATION DISEDIAKAN BERASINGAN]

Rakan-rakan Ketua Jabatan, rakan media, serta tuan-tuan dan puan-puan warga penjawat awam Selangor yang saya kasihi sekalian. Masih belum terlewat untuk saya zahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dan Salam 14 Syawal Tahun Hijrah.

2. Saya ingin memulakan ucapan saya pagi ini dengan mengajak semua untuk merenung sebuah kata hikmah yang menyebut jawatan itu adalah "**At-taklif wa la Tasyrif**"; bermaksud jawatan ini adalah **amanah (tanggungjawab yang dipersoalkan di akhirat)**, bukannya **kebanggaan (kemegahan dunia)**. Kalau tuan-tuan nampak jawatan ini sebagai satu kebanggaan, nanti tuan-tuan akan berjalan mendada. Tapi kalau nampak sebagai amanah, tuan-tuan akan sentiasa insaf dan tawaduk memikirkan tanggungjawab kepada rakyat.

PEMBUKA BICARA: JEJAK KENANGAN DI SELANGOR

3. YAB Dato' Seri dan tuan-puan, kalau orang kata "hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri", bagi saya, balik ke Selangor ini rasa macam balik ke rumah sendiri. Saya berdiri di depan tuan-tuan hari ini bukan sekadar sebagai Ketua Setiausaha Negara, tetapi sebagai seorang "abang long" yang pernah 'makan garam' di koridor pentadbiran negeri ini.

4. Ramai mungkin tahu, tapi ada juga yang belum lahir rasanya masa saya mula-mula bertugas dulu. **Selangor sentiasa dekat di hati saya.** Mengapa? Kerana saya telah mencurahkan **16 tahun** usia perkhidmatan saya merentas pelbagai ceruk di Selangor. Saya bermula sebagai:

- **Penolong Pegawai Daerah (ADO) Gombak** – Masa itu saya belajar macam mana hendak selesaikan masalah tanah sambil minum teh tarik di warung. Masih ingat lagi kisah nak selesaikan tanah di Hospital Selayang sampai terpaksa menenangkan orang kampung.
- **Penolong Pegawai Daerah (ADO) Klang** – Tempat saya belajar tentang pelabuhan dan kerendah warga kota.
- **Ketua Penolong Pegawai Daerah (CADO) Sepang** – memainkan peranan penting dalam memuktamadkan penyerahan mukim Dengkil di awal penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- **Timbalan Pengarah UPEN Selangor** – Di sini saya mula bermain dengan angka dan perancangan makro.
- **Setiausaha Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor.**
- Seterusnya sebagai **Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor** – di mana berlakunya pertukaran Kerajaan Negeri, dan terlibat dalam penubuhan Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

5. Saya masih ingat bos-bos lama saya sepanjang 16 tahun ini, dan saya berkhidmat di bawah enam (6) YB Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu **Tan Sri Dato' Hashim Meon, Tan Sri Hj Abd Aziz Yusof, Dato' Setia Hj Mohamad Adzib Mohd Isa, Dato' Hj Ramlan Othman, Dato' Setia Hj Ramli Mahmud dan Dato' Setia Hj Mohamed Khusrin Munawi.**

6. Hari ini alhamdulillah, turut hadir bersama ialah **Datuk Hj Yahya Abdullah**, bos lama saya yang kini merupakan Felo Kenegaraan AKM. Mereka ini 'garang' tapi sangat berilmu dan penuh hikmah. Kalau salah buat kerja, memang "berasap" telinga, tapi itulah yang membentuk peribadi saya hari ini. Satu lagi kenangan yang paling tidak boleh saya lupakan ialah **Tragedi Athenaeum Condominium** di Ampang yang mengesankan hampir 300 keluarga.

7. Saya diamanahkan untuk menyelaraskan isu retakan dan memberi taklimat kepada YAB Menteri Besar pada waktu itu. Masa itu, saya masih 'hijau', jantung rasa macam nak luruh setiap kali kena beri laporan. Pengajarannya? Sebagai penjawat awam, kita tidak boleh pilih masa bila nak rasa bersedia untuk mengambil tanggungjawab. Sebaliknya, harus **sentiasa bersedia, walaupun baru sehari lapor diri.**

PENCAPAIAN SELANGOR: REKOD YANG MEMBANGGAKAN

8. Sebelum saya pergi jauh, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi pujian kepada YAB Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari. Tahniah kepada kepimpinan beliau dan seluruh pasukan pentadbiran Selangor. Rekod prestasi tahun 2025 yang baru kita lalui adalah sangat luar biasa. **Kutipan hasil mencecah RM3.02 bilion.** Ini bukan angka main-main, ini adalah rekod tertinggi dalam sejarah Selangor. Sejak saya berada di Selangor dulu, negeri ini sentiasa berada dalam kalangan Billionaire Club. Pada tahun **2012** semasa saya meninggalkan Selangor, jumlah hasilnya pun dah sebanyak **RM1.88 bilion.**

9. Begitu juga **pelaburan meningkat RM20 juta** berbanding tahun 2024. Kejayaan ini bukan datang daripada "silap mata", tetapi daripada

kepimpinan YAB Menteri Besar dan keringat tuan-tuan dan puan-puan semua. Terima kasih kerana membuktikan bahawa penjawat awam Selangor adalah *world class*!

KESETIAAN: BUKAN SEKADAR DI BIBIR

YAB Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati,

10. Kita berkumpul di sini dalam program **Taat Setia**. Tajuknya nampak macam berat, tapi asasnya mudah. **Pertama: Kesetiaan kepada Raja dan Negara, dan dalam konteks negeri adalah kesetiaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**. Sebagai penjawat awam di negeri ini, kita adalah "**benteng hidup**". Kita bukan sekadar penandatanganan surat atau pemproses borang. Kita adalah pelaksana visi Baginda yang menghasratkan agar rakyat hidup harmoni. Janganlah kesetiaan kita ini cuma muncul masa majlis rasmi bila pakai baju istiadat sahaja. Ia mesti ada dalam setiap keputusan yang kita buat di pejabat, di dalam pelaksanaan, termasuklah dalam operasi-operasi penguatkuasaan.

11. **Kedua: Kepatuhan kepada Dasar Kerajaan**. Selangor adalah negeri yang dinamik, justeru penjawat awam tidak boleh ada **agenda peribadi** atau **kepentingan politik sempit**. Kalau dasar sudah diputuskan, tugas kita adalah memastikannya berjaya. Kegagalan dasar bukan sekadar gagal di atas kertas, tetapi ia bermakna ada rakyat yang tidak dapat **bantuan**, ada keluarga yang akan **berlapar**, ada anak yang tidak dapat **bersekolah**, ada jalan yang **tidak berturap dan berlubang**, lampu-lampu jalan yang **tidak menyala** dan **membahayakan nyawa**, serta **sampah dan buangan** yang terbiar dan membusuk.

REALITI GEOPOLITIK: CABARAN EKONOMI DAN POKET RAKYAT

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

12. Saya perlu jujur. Kita sekarang berhadapan dengan cabaran **geopolitik global** yang sangat mencabar. Konflik di Asia Barat, meski pun jauh dari tempat kita, namun ia bukan sekadar berita di televisyen, tapi kesannya sampai ke poket kita. Sehingga 2 April 2026 semalam, harga minyak mentah Brent telah mencecah **USD128.46** setong.

13. Akibatnya, Kerajaan terpaksa menanggung subsidi minyak yang melonjak daripada **RM2.9 bilion** kepada **RM4 bilion sebulan**. Kalau perang ini tidak berhenti, ia mungkin boleh mencecah **RM5 bilion**. Bayangkan apa yang kita boleh buat dengan RM5 bilion sebulan? Banyak hospital dan sekolah boleh dibina. Namun, Kerajaan tetap tegas. **Kebajikan rakyat adalah keutamaan tertinggi negara**. Kerajaan teguh mengekalkan subsidi minyak melalui program **Budi Madani 95** dan memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

14. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri serta arahan oleh YAB Perdana Menteri, saya menyeru agar budaya **penjimatan** dilaksanakan khususnya di peringkat negeri Selangor. Di pejabat, kalau tak guna lampu dan kipas, tutup. Air cond mesti diselaraskan pada suhu 24 darjah Celsius. Kalau mesyuarat boleh buat guna **Google Meet** atau **Zoom** atau **Microsoft Teams**, tak perlu sewa dewan hotel mewah kecuali apabila melibatkan tetamu asing bagi tujuan diplomatik.

15. Dalam pada itu juga, pegawai awam juga diminta untuk meneliti semula lawatan ke luar negara dan **mengehadkan kepada lawatan yang benar-benar perlu** sahaja. Ini adalah selaras dengan keputusan semasa Kerajaan.

16. Begitu juga apabila Kerajaan memutuskan tiada Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, bukanlah bermaksud kita menidakkan syiar Aidilfitri itu sendiri, tetapi perlu kita laksanakan dengan semangat **“kebersamaan dalam kesederhanaan”**. Ini adalah sebagai lambang solidariti kita juga terhadap nasib saudara kita yang tidak bernasib baik seperti di Gaza, Palestin.

17. Oleh demikian, penjawat awam kena tunjuk teladan kepada rakyat bahawa kita bukan sekadar mengeluarkan dan melaksanakan arahan, tetapi turut menjuarai pelaksanaannya demi negara.

PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

18. Sebagai respons kepada tekanan ekonomi dan keperluan fleksibiliti, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2026 telah bersetuju agar **Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)** dilaksanakan bermula pada **15 April 2026**.

19. Tetapi, jangan salah faham! BDR bukan bermaksud "Baring Duduk Rehat" atau "Beli-belah Di pasar Raya". Ia mesti mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan. Output dan produktiviti mesti sama, malah kalau boleh lebih baik daripada kerja di pejabat. Ini adalah sebahagian

daripada **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** yang kita laksanakan di bawah Teras 2: Pembangunan Modal Insan di bawah strategi peningkatan produktiviti.

AKU KASIH MALAYSIA: MEMUPUK KESETIAAN RAKYAT

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

20. Sekarang ini zaman media sosial. PMX selalu sebut "ini jaman edan". Fitnah itu tersebar lebih laju daripada berita benar. Dalam konteks taat setia, saya minta penjawat awam Selangor agar menjadi **Ejen Maklumat Tepat** iaitu menjadi rujukan kepada keluarga dan rakan-rakan. Jangan kita pula yang jadi orang pertama *forward* berita palsu dalam group WhatsApp keluarga dan kawan-kawan pejabat termasuklah geng-geng rapat. Kita juga perlu menjadi **Penjelas Kebenaran** dengan menerangkan fakta yang betul jika nampak fitnah dan tohmahan berlegar.

21. Dalam masa yang sama, saya ingin mengingatkan bahawa semua penjawat awam adalah terikat dengan **Peraturan 19 iaitu kesalahan membuat pernyataan awam tanpa kebenaran**, di bawah **Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 395 / 1993, Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu membuat komen bersifat jelik** serta **Akta Rahsia Rasmi 1972** yang memperuntukkan hukuman bagi mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah mendedahkan rahsia dan maklumat berperingkat Kerajaan.

22. Justeru, saya juga sangat menyokong inisiatif **Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM)** melalui gerakan "**Aku Kasih Malaysia**". Saya percaya kempen yang turut disokong oleh Kementerian Pendidikan

Malaysia, Kementerian Komunikasi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan dan Perbadanan Putrajaya ini akan menjadi usaha kolektif antara kementerian untuk menyemai semula rasa bangga menjadi rakyat Malaysia.

AMANAT KEPADA KETUA JABATAN

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

23. Pada kesempatan ini juga saya ingin berpesan kepada para Ketua Jabatan **tiga** pesanan "wajib". **Pertama**, saya dapati, masih ramai lagi penjawat awam yang belum benar-benar memahami apakah maksud sebenar MADANI. Walau pun saya dimaklumkan jumlah penjawat awam yang telah diberikan pendedahan tentang Malaysia MADANI melalui pelbagai pendekatan adalah seramai **1,558,240 orang**, namun yang telah hadir modul penjawat awam Malaysia MADANI melalui EPSA INTAN baru seramai **684,417** orang sahaja.

24. Justeru itu, saya minta agar semua Ketua Jabatan **menyegerakan sesi engagement**. Jangan duduk dalam bilik mesyuarat sahaja. Tetapi, perbanyakkan turun ke bawah, dan terangkan kepada mereka dengan **bahasa yang mudah**, di samping mendengar keluhan staf bawahan.

25. Seterusnya, sebaik saya dilantik sebagai KSN pada 12 Ogos 2024, saya telah diamanahkan untuk melaksanakan reformasi perkhidmatan awam. Untuk itu, pada 10 September 2024, saya telah memperkenalkan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** yang berteraskan lima (5) teras keberhasilan iaitu penghayatan nilai dan tatakelola,

pembangunan modal insan, pembangunan organisasi, penyampaian perkhidmatan dan sinergi awam dan swasta.

26. Oleh itu, saya minta agar setiap Ketua Jabatan untuk adakan wacana reformasi dan tanya pegawai dan staf kita, "**Apakah lagi penambahbaikan yang kita boleh buat dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat?**"

27. Selain itu juga, Kerajaan telah memperkenalkan **Akta Iltizam Kecekapan Pentadbiran Kerajaan** pada tahun lalu. Maka, seiring dengan semangat **Deklarasi Kuala Lumpur** yang telah semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri telah tandatangani dan meterai pada 22 November 2024 yang lalu, semua agensi perlu menyemak semula peraturan yang lapuk dan tidak lagi relevan, termasuklah garis panduan dan "akta sekendhend" yang saya pernah sebutkan sebelum ini dalam tempoh setiap 3 tahun.

“KITA SELANGOR MAJU BERSAMA” DEMI MALAYSIA MADANI

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

28. Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan **Akademi Kenegaraan Malaysia** atas penganjuran program ini. Kepada semua penjawat awam Selangor, teruskan momentum kecemerlangan anda. Semoga bulan Syawal yang penuh keberkatan ini memberikan kita kekuatan baharu. Saya ucapkan sekali lagi **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada semua.

Kita penjawat awam adalah nadi negara. Jika kita teguh, negara akan kukuh. Jika kita amanah, rakyat akan sejahtera.

Kita semua adalah KSN; Kami Sayang Negara.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.